

BAB 15 – MAKLUMAT UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN

1. Jadual berikut menunjukkan maklumat perakaunan yang diperolehi daripada dua buah perniagaan yang terlibat dalam industri makanan segera:

Butir	Burger Ayam 'King'	Burger Ayam Istimewa
Kadar pulang ganti stok	4.5 kali	6 kali

Berdasarkan maklumat di atas, perniagaan manakah telah menunjukkan prestasi jualan yang lebih baik? Beri alasan anda.

2. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Saga pada 30 Jun 2014.

	RM
Stok pada 1 Julai 2013	32 400
Stok pada 30 Jun 2014	26 900
Kos jualan	88 950

Berapa kali stok digantikan dalam setahun?

3. Jadual berikut menunjukkan nisbah kecairan bagi perniagaan yang terlibat dalam industri pembuatan kek lapis.

Nisbah	Nabihah Bakeri	Kedai Kek Ramlah
Nisbah kecairan	2.5 : 1	2.0 : 1

Perniagaan manakah yang mempunyai kedudukan kecairan yang baik dan nyatakan sebabnya.

4. Nyatakan dua pengguna luaran bagi penyata kewangan sesebuah syarikat.

5. Berikut adalah maklumat berkaitan Perniagaan Mutiara Prima. Lengkapkan jadual di bawah.

Butir	Tafsiran
Tokokan = 25%	
Pusing ganti stok = 6 kali	

6. Nyatakan dua nisbah yang digunakan untuk mengukur keberuntungan perniagaan.

7. Maklumat berikut diambil dari buku Pembekal Ramli pada 30 Jun 2013.

	RM
Modal pada 1 Julai 2012	22 500
Untung kasar	2 700
Belanja perniagaan	675
Stok pada 30 Jun 2013	3 375

Hitungkan pulangan atas modal.

8. Nyatakan dua jenis nisbah kecekapan.

9. Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Seheni Amira.

	RM
Stok 1 Januari 2012	5 160
Stok 31 Disember 2012	5 580
Kos Jualan	32 220
Pulangan atas modal	12%

Kirakan kadar pusing ganti stok Kedai Seheni Amira sepanjang tahun 2012.

10. Jadual berikut menunjukkan nisbah kecairan bagi perniagaan yang terlibat dengan industri pembuatan kek:

Nisbah	Nur Iman Bakeri	Kedai Kek Enak
Nisbah semasa	1.5 : 1	1 : 1

Perniagaan manakah yang mempunyai kedudukan kecairan yang baik dan nyatakan sebabnya.
